

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah di bawah Bab 83(3))**

**PERINTAH DARURAT (PERINTAH NAFKAH PENGUATKUASAAN TIMBAL  
BALIK), 1995**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh ceraian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut :-

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Gelaran  
pendek,  
permulaan  
kuatkuasa dan  
gelaran  
panjang.

Tafsiran.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Perintah Nafkah Penguatkuasaan Timbal Balik), 1995 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Menteri, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk membuat peruntukan bagi penguatkuasaan di Brunei perintah-perintah nafkah yang dibuat di negara-negara salingan dan sebaliknya".

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain –

"perintah afiliasi" bermakna suatu perintah (tidak kira bagaimana-pun diperihalkan) yang menghukumkan, memutuskan atau mengisyiharkan seseorang sebagai bapa kepada seseorang anak, sama ada atau tidak ia juga mempersyaratkan nafkah untuk anak itu ;

"perakuan tunggakan", berkenaan dengan suatu perintah nafkah, bermakna suatu perakuan yang mengesahkan bahawa jumlah wang yang dinyatakan dalam perakuan itu adalah pada pengetahuan atau kepercayaan pegawai yang memberi perakuan itu amaun tunggakan yang kena dibayar di bawah perintah tersebut pada tarikh perakuan itu ;

"salinan yang diperakui", berkenaan dengan suatu perintah mahkamah, bermakna satu salinan perintah itu yang diperakui oleh pegawai mahkamah yang berkenaan sebagai salinan sebenar.

"mahkamah" termasuk mana-mana tribunal atau orang yang mempunyai kuasa untuk membuat, mengesahkan, menguatkuasakan, mengubah atau membatalkan suatu perintah nafkah ;

"perintah nafkah" bermakna suatu perintah (tidak kira bagaimana-pun diperihalkan) yang berperihalan seperti berikut :

- (a) suatu perintah (termasuk suatu perintah afiliasi atau perintah berikutan dengan suatu perintah afiliasi) yang mempersyaratkan pembayaran sejumlah wang secara berkala untuk nafkah mana-mana orang, iaitu seseorang yang kepadanya orang yang bertanggungan untuk membuat pembayaran di bawah perintah itu adalah, menurut undang-undang yang dikenakan di tempat di mana perintah itu dibuat, bertanggungan untuk menyaranya ; dan
- (b) suatu perintah afiliasi atau perintah berikutan dengan suatu perintah afiliasi, iaitu suatu perintah yang mempersyaratkan pembayaran oleh seseorang yang dihukumkan, diputuskan atau diisyiharkan sebagai bapa kepada seseorang anak perbelanjaan yang bersampingan dengan kelahiran anak itu atau, jika anak itu telah mati, perbelanjaan pengkebumiannya,

dan dalam hal suatu perintah nafkah yang telah diubah, bermakna perintah yang diubah itu ;

“penerima”, berkenaan dengan suatu perintah nafkah, bermakna orang yang berhak mendapat pembayaran yang dipersyaratkan oleh perintah itu ;

“pembayar”, berkenaan dengan suatu perintah nafkah, bermakna orang yang bertanggungan untuk membuat pembayaran di bawah perintah itu ;

“perintah sementara” bermakna (mengikut konteksnya) –

- (a) suatu perintah yang dibuat oleh sesebuah mahkamah di Brunei yang berupa sementara sahaja dan tiada mempunyai kuatkuasa melainkan jika disahkan, dengan atau tanpa perubahan, oleh sesebuah mahkamah yang layak di sesebuah negara salingan ; atau
- (b) suatu perintah yang dibuat oleh sesebuah mahkamah di sebuah negara salingan yang berupa sementara sahaja dan tiada mempunyai kuatkuasa melainkan jika disahkan dengan atau tanpa perubahan, oleh sesebuah mahkamah di Brunei yang mempunyai kuasa di bawah Perintah ini untuk mengesahkannya ;

“negara salingan” mempunyai makna yang ditentukan kepadanya menurut bab 17 ;

“perintah berdaftar”, bermakna suatu perintah nafkah yang pada masa itu didaftarkan di sesebuah mahkamah di Brunei di bawah Perintah ini ;

“mahkamah pendaftar”, berkenaan dengan suatu perintah berdaftar, bermakna mahkamah di mana perintah itu didaftarkan pada masa itu di bawah Perintah ini ;

"pihak berkuasa yang bertanggungjawab", berkenaan dengan sesebuah negara salingan, bermakna mana-mana orang di negara itu yang mempunyai tugas-tugas sama dengan tugas-tugas Menteri di bawah Perintah ini.

## BAHAGIAN II

### PERINTAH YANG DIBUAT OLEH MAHKAMAH DI BRUNEI

Penghantaran  
perintah nafkah  
yang dibuat  
di Brunei.

3. (1) Jika pembayar di bawah suatu perintah nafkah yang dibuat, sama ada sebelum atau selepas permulaan kuatkuasa Perintah ini, oleh sesebuah mahkamah di Brunei bermastautin di sesebuah negara salingan, penerima di bawah perintah itu boleh memohon supaya perintah itu dihantar ke negara itu untuk dikuatkuasakan.

(2) Tiap-tiap permohonan di bawah bab ini hendaklah dibuat kepada mahkamah yang telah membuat perintah nafkah yang dimaksudkan oleh permohonan itu.

(3) Jika, atas suatu permohonan yang sempurna dibuat di bawah bab ini kepada sesebuah mahkamah di Brunei, mahkamah tersebut berpuas hati bahawa pembayar di bawah perintah nafkah itu bermastautin di sesebuah negara salingan, dokumen-dokumen yang berikut :

- (a) satu salinan perintah nafkah itu yang diperakui ;
- (b) suatu perakuan yang ditandatangani oleh seseorang pegawai mahkamah tersebut yang memperakui bahawa perintah itu boleh dikuatkuasakan di Brunei ;
- (c) suatu perakuan tunggakan yang ditandatangani ;
- (d) suatu pernyataan yang memberikan maklumat yang ada pada pegawai tersebut tentang tempat di mana pembayar berada ;
- (e) suatu pernyataan yang memberikan maklumat yang ada pada pegawai tersebut bagi memudahkan pembayar dikenalpasti ; dan
- (f) jika dapat diperolehi, gambar pembayar,

hendaklah dikirimkan oleh mahkamah tersebut kepada Menteri, yang akan menghantarnya kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab di negara salingan itu jika dia berpuas hati bahawa pernyataan itu berkenaan dengan tempat di mana pembayar berada memberikan maklumat yang mencukupi untuk mewajarkan ia dilakukan.

(4) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh dianggap sebagai menjelaskan sebarang bidang kuasa sesebuah mahkamah di Brunei berkenaan dengan suatu perintah nafkah yang dikenakan bab ini, dan sebarang perintah itu boleh dikuatkuasakan, diubah atau dibatalkan dengan sewajarnya.

4. (1) Jika suatu aduan dibuat kepada sesebuah mahkamah di Brunei terhadap seseorang yang bermastautin di sesebuah negara salingan dan aduan itu adalah suatu aduan di mana mahkamah tersebut mungkin mempunyai bidang kuasa menurut sebarang undang-undang untuk membuat suatu perintah nafkah jika –

Perintah nafkah  
sementara.

- (a) orang itu bermastautin di Brunei ; dan
- (b) suatu saman untuk hadir di hadapan mahkamah tersebut bersesuaian dengan aduan itu telah sempurna disampaikan kepadanya,

mahkamah tersebut hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar aduan itu dan boleh membuat suatu perintah nafkah atas aduan itu.

(2) Suatu perintah nafkah yang dibuat menurut bab ini hendaklah suatu perintah sementara.

(3) Jika mahkamah yang mendengar suatu aduan yang dikenakan ceraian (1) berpuas hati bahawa terdapat alasan di mana suatu perintah nafkah yang mengandungi suatu peruntukan yang menghendaki supaya pembayaran dibuat untuk nafkah seseorang anak boleh dibuat atas aduan itu, tetapi ia tiada mempunyai bidang kuasa untuk membuat perintah itu melainkan jika ia juga membuat suatu perintah yang mempersyaratkan penjagaan anak itu di sisi undang-undang, maka, bagi maksud untuk membolehkan mahkamah tersebut membuat perintah nafkah itu, pengadu hendaklah dianggap sebagai orang yang bertanggungjawab menjaga anak itu di sisi undang-undang dengan suatu perintah mahkamah tersebut yang berkuatkuasa pada masa itu.

(4) Undang-undang yang memberikan kuasa kepada sesebuah mahkamah di Brunei untuk enggan membuat suatu perintah atas suatu aduan atas alasan bahawa perkara berkenaan adalah suatu perkara yang lebih mudah dikendalikan oleh Mahkamah Tinggi tidaklah boleh dikenakan berkenaan dengan suatu aduan yang dikenakan ceraian (1).

(5) Jika sesebuah mahkamah di Brunei membuat suatu perintah nafkah, yang menurut bab ini berupa suatu perintah sementara, dokumen-dokumen yang berikut :

- (a) satu salinan perintah nafkah itu yang diperakui ;
- (b) suatu dokumen, yang disahkan mengikut cara yang ditetapkan, yang menyatakan atau meringkaskan keterangan yang diberikan dalam prosiding ;

- (c) suatu perakuan yang ditandatangani oleh seseorang pegawai mahkamah tersebut yang mengesahkan bahawa alasan yang dinyatakan dalam perakuan itu adalah alasan di mana pembuatan perintah itu mungkin telah dibantah oleh pembayar di bawah perintah itu ;
- (d) suatu pernyataan yang memberikan maklumat yang ada pada mahkamah tersebut tentang tempat di mana pembayar berada ;
- (e) suatu pernyataan yang memberikan maklumat yang ada pada pegawai tersebut bagi memudahkan pembayar dikenalpasti ; dan
- (f) jika dapat diperolehi, gambar pembayar,

hendaklah dikirimkan oleh pegawai tersebut kepada Menteri, yang akan menghantarnya kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab di negara salingan itu di mana pembayar bermastautin, jika dia berpuas hati bahawa pernyataan itu berkenaan dengan tempat di mana pembayar berada memberikan maklumat yang mencukupi untuk mewajarkan ia dilakukan.

(6) Suatu perintah nafkah yang dibuat menurut bab ini yang telah disahkan oleh sesebuah mahkamah yang layak di sesebuah negara salingan hendaklah disifatkan bagi segala maksud seolah-olah mahkamah yang membuat perintah itu telah membuatnya dalam bentuk ia disahkan dan seolah-olah perintah itu sama sekali bukan suatu perintah sementara dan, tertakluk kepada bab 5, sebarang perintah itu boleh dikuatkuasakan, diubah atau dibatalkan dengan sewajarnya.

Pengubahan  
dan pembatalan  
perintah  
nafkah.

5. (1) Bab ini dikenakan kepada suatu perintah nafkah satu salinannya yang diperakui telah dikirimkan kepada sesebuah negara salingan menurut bab 3 dan suatu perintah nafkah yang dibuat menurut bab 4 yang telah disahkan oleh sesebuah mahkamah yang layak di negara tersebut.

(2) Sesebuah mahkamah di Brunei yang mempunyai kuasa untuk mengubah suatu perintah nafkah yang dikenakan bab ini hendaklah mempunyai kuasa untuk mengubah perintah itu dengan suatu perintah sementara.

(3) Jika mahkamah yang mendengar suatu permohonan bagi pengubahan suatu perintah nafkah yang dikenakan bab ini bercadang untuk mengubahnya dengan menaikkan kadar pembayaran di bawah perintah itu maka, melainkan jika sama ada —

- (a) pembayar dan juga penerima di bawah perintah itu hadir dalam prosiding ; atau
- (b) pemohon hadir dan surat perintah yang bersesuaian telah sempurna disampaikan kepada pihak yang satu lagi,

perintah yang mengubah perintah itu hendaklah suatu perintah sementara.

(4) Jika sesebuah mahkamah di Brunei membuat suatu perintah sementara yang mengubah suatu perintah nafkah yang dikenakan bab ini, seseorang pegawai mahkamah tersebut hendaklah mengirimkan kepada mahkamah di sesebuah negara salingan yang mempunyai kuasa untuk mengesahkan perintah sementara itu satu salinan perintah sementara itu yang diperakui berserta dengan suatu dokumen, yang disahkan oleh mahkamah tersebut, yang menyatakan atau meringkaskan keterangan yang diberikan dalam prosiding.

(5) Jika satu salinan suatu perintah sementara yang diperakui yang dibuat oleh sesebuah mahkamah di sesebuah negara salingan, iaitu suatu perintah yang mengubah atau membatalkan suatu perintah nafkah yang dikenakan bab ini, berserta dengan suatu dokumen, yang sempurna disahkan, yang menyatakan atau meringkaskan keterangan yang diberikan dalam prosiding di mana perintah sementara itu dibuat, diterima oleh mahkamah di Brunei yang membuat perintah nafkah itu, mahkamah tersebut boleh mengesahkan atau enggan mengesahkan perintah sementara itu dan, jika perintah itu adalah suatu perintah yang mengubah perintah nafkah itu, mengesahkannya sama ada tanpa perubahan atau dengan perubahan-perubahan sebagaimana yang difikirkannya munasabah.

(6) Bagi maksud menentukan sama ada suatu perintah sementara seharusnya disahkan di bawah ceraian (5), mahkamah tersebut hendaklah melakukan tindakan selanjutnya seolah-olah suatu permohonan bagi pengubahan atau pembatalan perintah nafkah berkenaan telah dibuat kepadanya.

(7) Jika suatu perintah nafkah yang dikenakan bab ini telah diubah dengan suatu perintah (termasuk suatu perintah sementara yang telah disahkan) yang dibuat oleh sesebuah mahkamah di Brunei atau oleh sesebuah mahkamah yang layak di sesebuah negara salingan, perintah nafkah itu hendaklah, mulai dari tarikh perintah itu dibuat, berkuatkuasa sebagaimana yang diubah dengan perintah itu dan, jika perintah itu adalah suatu perintah sementara, seolah-olah perintah itu telah dibuat dalam bentuk ia disahkan dan seolah-olah ia sama sekali bukan suatu perintah sementara.

(8) Jika suatu perintah nafkah yang dikenakan bab ini telah dibatalkan dengan suatu perintah yang dibuat oleh sesebuah mahkamah di Brunei atau oleh sesebuah mahkamah yang layak di sesebuah negara salingan, termasuk suatu perintah sementara yang dibuat oleh mahkamah yang terakhir disebutkan yang telah disahkan oleh sesebuah mahkamah di Brunei, perintah nafkah itu hendaklah, mulai dari tarikh perintah itu dibuat, dianggap terhenti daripada berkuatkuasa kecuali berkenaan dengan sebarang tunggakan yang kena dibayar di bawah perintah nafkah itu pada tarikh tersebut.

(9) Jika, sebelum suatu perintah nafkah yang dibuat menurut bab 4 disahkan, suatu dokumen, yang sempurna disahkan, yang menyatakan atau meringkas keterangan yang diambil di sesebuah negara salingan bagi maksud prosiding berkenaan dengan pengesahan perintah itu diterima oleh mahkamah di Brunei yang membuat perintah itu, atau mahkamah tersebut, dengan mematuhi suatu permintaan yang dibuat kepadanya oleh sesebuah mahkamah di negara tersebut, mengambil keterangan seseorang yang bermastautin di Brunei bagi maksud prosiding tersebut, mahkamah di Brunei yang membuat perintah itu hendaklah menimbangkan keterangan itu dan jika, setelah berbuat demikian, pada pendapatnya bahawa perintah itu tidak sepatutnya dibuat, mahkamah tersebut –

- (a) hendaklah memberikan kepada orang yang atas permohonannya perintah nafkah itu dibuat suatu peluang untuk menimbangkan keterangan itu, untuk membuat pernyataan berkenaan dengannya dan untuk menge-mukakan keterangan lanjut ; dan
- (b) boleh, setelah menimbangkan semua keterangan dan sebarang pernyataan yang dibuat oleh orang itu, membatal-kan perintah nafkah itu.

### BAHAGIAN III

#### PERINTAH YANG DIBUAT OLEH MAHKAMAH DI NEGARA-NEGARA SALINGAN

Pendaftaran  
di Brunei.

6. (1) Bab ini dikenakan kepada suatu perintah nafkah yang dibuat, sama ada sebelum atau selepas permulaan kuatkuasa Perintah ini, oleh sesebuah mahkamah di sesebuah negara salingan, termasuk perintah seumpama itu yang dibuat oleh mahkamah tersebut yang telah disahkan oleh sesebuah mahkamah di negara salingan lain tetapi tidak termasuk suatu perintah sementara yang belum disahkan.

(2) Jika satu salinan suatu perintah yang diperakui yang dikenakan bab ini diterima oleh Menteri daripada pihak berkuasa yang bertang-gungjawab di sesebuah negara salingan, dan pada pendapat Menteri bahawa pembayar di bawah perintah itu bermastautin di Brunei, dia hendaklah mengirimkan salinan perintah itu kepada mahkamah yang berkenaan.

(3) Jika mahkamah yang berkenaan menerima daripada Menteri satu salinan suatu perintah yang diperakui yang dikenakan bab ini, ia hendaklah, tertakluk kepada ceraian (4), mendaftarkan perintah itu mengikut cara yang ditetapkan di mahkamah tersebut.

(4) Sebelum mendaftarkan suatu perintah di bawah bab ini, mahkamah tersebut hendaklah mengambil langkah-langkah sebagaimana yang difikirkannya patut bagi maksud memastikan sama ada pembayar di bawah perintah itu bermastautin di dalam bidang kuasa mahkamah tersebut, dan jika setelah mengambil langkah-langkah itu ia berpuas hati

bahawa pembayar tiada bermastautin ia hendaklah mengembalikan salinan perintah itu yang diperakui kepada Menteri berserta dengan suatu pernyataan yang memberikan maklumat yang ada padanya tentang di mana pembayar berada.

7. (1) Bab ini dikenakan kepada suatu perintah nafkah yang dibuat, sama ada sebelum atau selepas permulaan kuatkuasa Perintah ini, oleh sesebuah mahkamah di sesebuah negara salingan iaitu suatu perintah sementara.

Pengesahan  
perintah nafkah  
sementara oleh  
mahkamah  
Brunei.

(2) Jika satu salinan suatu perintah yang diperakui yang dikenakan bab ini berserta dengan –

- (a) suatu dokumen, yang sempurna disahkan, yang menyatakan atau meringkaskan keterangan yang diberikan dalam prosiding di mana perintah itu dibuat ; dan
- (b) suatu pernyataan alasan di mana pembuatan perintah itu mungkin telah dibantah oleh pembayar di bawah perintah itu,

diterima oleh Menteri daripada pihak berkuasa yang bertanggungjawab di sesebuah negara salingan, dan pada pendapat Menteri bahawa pembayar di bawah perintah itu bermastautin di Brunei, dia hendaklah menghantar salinan perintah itu dan dokumen-dokumen yang disertakan dengannya kepada mahkamah yang berkenaan, dan mahkamah tersebut hendaklah –

- (i) jika pembayar di bawah perintah itu membuktikan sebarang pembelaan yang mungkin telah ditimbulkannya dalam prosiding di mana perintah itu dibuat, tidak mengesahkan perintah itu ; dan
- (ii) dalam sebarang hal lain, mengesahkan perintah itu sama ada tanpa perubahan atau dengan perubahan-perubahan sebagaimana yang difikirkannya munasabah.

(3) Dalam sebarang prosiding bagi pengesahan suatu perintah sementara di bawah bab ini, pernyataan alasan yang diterima daripada mahkamah yang membuat perintah itu di mana pembuatan perintah itu mungkin telah dibantah oleh pembayar di bawah perintah itu hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa pembayar mungkin telah menimbulkan suatu pembelaan atas sebarang alasan tersebut dalam prosiding di mana perintah itu dibuat.

(4) Bagi maksud menentukan sama ada suatu perintah sementara seharusnya disahkan di bawah bab ini, mahkamah tersebut hendaklah melakukan tindakan selanjutnya seolah-olah suatu permohonan bagi suatu perintah nafkah terhadap pembayar di bawah perintah sementara itu telah dibuat kepadanya.

Penguat-  
kuasaan  
perintah  
nafkah.

(5) Mahkamah yang mempunyai kuasa di bawah bab ini untuk mengesahkan suatu perintah sementara hendaklah, jika mahkamah tersebut mengesahkan perintah itu, mendaftarkan perintah itu di mahkamah tersebut atau, jika mahkamah tersebut enggan mengesahkan perintah itu, mengembalikan salinan perintah itu yang diperakui dan dokumen-dokumen yang disertakan dengannya kepada Menteri.

(6) Jika suatu saman untuk hadir dalam prosiding bagi pengesahan perintah sementara itu tidak dapat disampaikan dengan sempurnanya kepada pembayar di bawah perintah itu, mahkamah yang menerima salinan perintah itu yang diperakui hendaklah mengembalikan salinan itu dan dokumen-dokumen yang disertakan dengannya kepada Menteri berserta dengan suatu pernyataan yang memberikan maklumat yang ada padanya tentang di mana pembayar berada.

8. (1) Suatu perintah berdaftar boleh dikuatkuasakan di Brunei seolah-olah telah dibuat oleh mahkamah pendaftar dan seolah-olah mahkamah tersebut mempunyai bidang kuasa untuk membuatnya ; dan prosiding bagi atau berkenaan dengan penguatkuasaan sebarang perintah itu boleh diambil dengan sewajarnya.

(2) Mana-mana orang yang pada masa itu bertanggungan untuk membuat pembayaran menurut suatu perintah berdaftar hendaklah memberi notis mengenai sebarang perubahan alamat kepada mahkamah pendaftar. Mana-mana orang yang gagal memberi notis tersebut tanpa alasan yang munasabah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000.

(3) Mahkamah yang boleh menguatkuasakan suatu perintah menurut bab ini, hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk menguatkuasakan perintah itu.

(4) Dalam sebarang prosiding bagi penguatkuasaan suatu perintah yang pada masa itu didaftarkan di mana-mana mahkamah di bawah Perintah ini, suatu perakuan tunggakan yang dihantar kepada mahkamah tersebut hendaklah menjadi keterangan mengenai fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya.

(5) Tertakluk kepada ceraian (6), sejumlah wang yang kena dibayar di bawah suatu perintah berdaftar hendaklah kena dibayar menurut perintah itu mulai dari tarikh perintah itu dibuat.

(6) Mahkamah yang mempunyai kuasa di bawah bab 7 untuk mengesahkan suatu perintah sementara boleh, jika ia memutuskan untuk mengesahkan perintah itu, mengarahkan bahawa sejumlah wang yang kena dibayar di bawah perintah itu hendaklah dianggap kena dibayar menurut perintah itu mulai dari tarikh sebagaimana yang mungkin ditentukannya, iaitu suatu tarikh yang kemudian dari tarikh perintah itu dibuat. Tertakluk kepada sebarang arahan tersebut, suatu perintah

nafkah yang didaftarkan di bawah bab itu hendaklah disifatkan seolah-olah ia telah dibuat dalam bentuk ia disahkan dan seolah-olah ia sama sekali bukan suatu perintah sementara.

9. (1) Tertakluk kepada bab ini, mahkamah pendaftar –

- (a) hendaklah mempunyai kuasa yang sama, atas suatu permohonan yang dibuat oleh pembayar atau penerima di bawah suatu perintah berdaftar, untuk mengubah atau membatalkan perintah itu seolah-olah mahkamah tersebut mempunyai bidang kuasa untuk membuatnya ; dan
- (b) hendaklah mempunyai kuasa untuk mengubah atau membatalkan suatu perintah berdaftar dengan suatu perintah sementara.

Pengubahan  
dan pembatalan  
perintah  
nafkah.

(2) Mahkamah pendaftar hendaklah tidak mengubah suatu perintah berdaftar melainkan dengan suatu perintah sementara kecuali jika –

- (a) pembayar dan juga penerima di bawah perintah berdaftar itu bermastautin pada masa itu di Brunei ;
- (b) permohonan itu dibuat oleh penerima di bawah perintah berdaftar itu ; atau
- (c) pengubahan itu mengandungi suatu pengurangan ke atas kadar pembayaran di bawah perintah berdaftar itu dan dibuat hanya atas alasan bahawa terdapat perubahan pada keadaan kewangan pembayar sejak perintah berdaftar itu dibuat atau, dalam hal suatu perintah yang didaftarkan di bawah bab 7, sejak perintah berdaftar itu disahkan, dan mahkamah-mahkamah di negara salingan di mana perintah nafkah berkenaan dibuat tidak mempunyai kuasa, mengikut undang-undang yang berkuatkuasa di negara itu, untuk mengesahkan perintah-perintah sementara yang mengubah perintah-perintah nafkah.

(3) Mahkamah pendaftar hendaklah tidak membatalkan suatu perintah berdaftar melainkan dengan suatu perintah sementara kecuali jika pembayar dan juga penerima di bawah perintah berdaftar itu bermastautin pada masa itu di Brunei.

(4) Atas suatu permohonan bagi pembatalan suatu perintah berdaftar, mahkamah pendaftar hendaklah, melainkan jika pembayar dan juga penerima di bawah perintah berdaftar itu bermastautin pada masa itu di Brunei, mengenakan undang-undang yang dikenakan oleh negara salingan di mana perintah berdaftar itu dibuat. Jika, menurut ceraian ini, mahkamah pendaftar dikehendaki untuk mengenakan undang-undang itu, mahkamah tersebut boleh membuat suatu perintah sementara jika ia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa alasan permohonan itu

dibuat adalah suatu alasan di mana perintah itu boleh dibatalkan mengikut undang-undang yang dikenakan oleh negara salingan, walaupun belum dipastikan demikian alasannya.

(5) Jika mahkamah pendaftar membuat suatu perintah sementara yang mengubah atau membatalkan suatu perintah berdaftar, mahkamah tersebut hendaklah menghantar kepada mahkamah di negara salingan yang membuat perintah berdaftar itu satu salinan perintah sementara itu yang diperakui berserta dengan suatu dokumen, yang sempurna disahkan, yang menyatakan atau meringkaskan keterangan yang diberikan dalam prosiding.

(6) Jika satu salinan suatu perintah sementara yang diperakui yang dibuat oleh sesebuah mahkamah di sesebuah negara salingan, iaitu suatu perintah yang mengubah suatu perintah berdaftar, berserta dengan suatu dokumen, yang sempurna disahkan, yang menyatakan atau meringkaskan keterangan yang diberikan dalam prosiding di mana perintah sementara itu dibuat, diterima oleh mahkamah pendaftar, mahkamah tersebut boleh mengesahkan perintah itu sama ada tanpa perubahan atau dengan perubahan-perubahan sebagaimana yang difikirkannya munasabah atau enggan mengesahkan perintah itu.

(7) Bagi maksud menentukan sama ada suatu perintah sementara seharusnya disahkan di bawah ceraian (6), mahkamah tersebut hendaklah melakukan tindakan selanjutnya seolah-olah suatu permohonan bagi pengubahan perintah berdaftar itu telah dibuat kepadanya.

(8) Jika suatu perintah berdaftar telah diubah dengan suatu perintah (termasuk suatu perintah sementara yang telah disahkan) yang dibuat oleh sesebuah mahkamah di Brunei atau oleh sesebuah mahkamah yang layak di sesebuah negara salingan, perintah berdaftar itu hendaklah, mulai dari tarikh perintah itu dibuat, berkuatkuasa sebagaimana yang diubah dengan perintah itu dan, jika perintah itu adalah suatu perintah sementara, seolah-olah perintah itu telah dibuat dalam bentuk ia disahkan dan seolah-olah sama sekali bukan suatu perintah sementara.

(9) Jika suatu perintah berdaftar telah dibatalkan dengan suatu perintah yang dibuat oleh sesebuah mahkamah di Brunei atau oleh sesebuah mahkamah yang layak di sesebuah negara salingan, termasuk suatu perintah sementara yang dibuat oleh mahkamah yang mula-mula disebutkan yang telah disahkan oleh sesebuah mahkamah yang layak di sesebuah negara salingan, perintah berdaftar itu hendaklah, mulai dari tarikh perintah itu dibuat, dianggap terhenti daripada berkuatkuasa kecuali berkenaan dengan sebarang tunggakan yang kena dibayar di bawah perintah berdaftar itu pada tarikh tersebut.

(10) Mahkamah pendaftar hendaklah mendaftarkan sebarang perintah yang mengubah suatu perintah berdaftar selain daripada suatu perintah sementara yang tidak disahkan.

10. (1) Jika suatu perintah berdaftar dibatalkan dengan –
- (a) suatu perintah yang dibuat oleh mahkamah pendaftar ;
  - (b) suatu perintah sementara yang dibuat oleh mahkamah tersebut yang telah disahkan oleh sebuah mahkamah di sebuah negara salingan dan notis pengesahan itu diterima oleh mahkamah pendaftar ; atau
  - (c) suatu perintah yang dibuat oleh sebuah mahkamah di negara tersebut dan notis pembatalan itu diterima oleh mahkamah pendaftar,

mahkamah pendaftar hendaklah membatalkan pendaftarannya.

(2) Sebarang tunggakan yang kena dibayar di bawah perintah berdaftar itu pada tarikh apabila pendaftarannya dibatalkan menurut ceraian (2) hendaklah terus boleh didapatkan kembali seolah-olah pendaftarannya belum dibatalkan.

(3) Jika mahkamah pendaftar berpendapat bahawa pembayar di bawah suatu perintah berdaftar tidak lagi bermastautin di dalam bidang kuasa mahkamah tersebut, ia hendaklah membatalkan pendaftaran perintah itu dan mengirimkan satu salinan perintah itu yang diperakui kepada Menteri.

11. (1) Jika pada pendapat Menteri bahawa pembayar di bawah suatu perintah nafkah, satu salinannya yang diperakui telah diterima olehnya daripada sebuah negara salingan, tidak bermastautin di Brunei atau, dalam hal suatu perintah yang kemudianya menjadi suatu perintah berdaftar, tidak lagi bermastautin di dalamnya, dia hendaklah mengirimkan kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab di negara itu –

- (a) salinan perintah berkenaan yang diperakui dan satu salinan sebarang perintah yang diperakui yang mengubah perintah itu ;
- (b) jika perintah itu pada bila-bila masa adalah suatu perintah berdaftar, suatu perakuan tunggakan yang ditandatangani oleh mahkamah tersebut ;
- (c) suatu pernyataan yang memberikan maklumat yang ada pada Menteri tentang di mana pembayar berada ; dan
- (d) sebarang dokumen lain yang berkaitan yang ada dalam miliknya berkenaan dengan kes itu.

Pendaftaran perintah dibatalkan.

Jika pembayar tidak ber-mastautin di Brunei.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN RAMPAIAN

Rayuan.

12. (1) Seseorang pemohon hendaklah mempunyai hak untuk merayu yang sama, jika ada, terhadap keengganan oleh sesebuah mahkamah di Brunei untuk membuat suatu perintah sementara di bawah sebarang peruntukan Perintah ini sebagaimana dia sepatutnya mempunyainya terhadap keengganan untuk membuat perintah itu jika suatu saman sempurna disampaikan kepada orang yang terhadapnya perintah itu diminta untuk dibuat.

(2) Jika menurut sebarang peruntukan itu mana-mana mahkamah tersebut mengesahkan atau enggan mengesahkan suatu perintah sementara yang dibuat oleh sesebuah mahkamah di sesebuah negara salingan, sama ada suatu perintah nafkah atau suatu perintah yang mengubah atau membatalkan suatu perintah nafkah, pembayar atau penerima di bawah perintah nafkah itu hendaklah mempunyai hak untuk merayu yang sama (jika ada) kerana pengesahan, atau keengganan untuk mengesahkan, perintah sementara itu sebagaimana dia sepatutnya mempunyainya jika perintah itu bukan suatu perintah sementara dan mahkamah yang mengesahkan atau enggan mengesahkannya telah membuat atau enggan membuatnya.

(3) Jika menurut sebarang peruntukan itu mana-mana mahkamah tersebut membuat, atau enggan membuat, suatu perintah yang mengubah atau membatalkan suatu perintah nafkah yang dibuat oleh sesebuah mahkamah di sesebuah negara salingan, maka, tertakluk kepada ceraian (1), pembayar atau penerima di bawah perintah nafkah itu hendaklah mempunyai hak untuk merayu yang sama (jika ada) kerana perintah itu atau kerana keengganan untuk membuatnya sebagaimana dia sepatutnya mempunyainya jika perintah nafkah itu telah dibuat oleh mahkamah yang mula-mula disebutkan.

(4) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini (kecuali ceraian (1)) boleh ditafsirkan sebagai menjelaskan sebarang hak untuk merayu yang diberikan oleh sebarang undang-undang bertulis lain.

Keterangan  
yang boleh  
diterima.

13. (1) Suatu pernyataan yang terkandung dalam suatu dokumen, yang sempurna disahkan, yang dikatakan –

- (a) menyatakan atau meringkaskan keterangan yang diberikan dalam prosiding di sesebuah mahkamah di sesebuah negara salingan ;
- (b) menyatakan atau meringkaskan keterangan yang diambil di negara tersebut bagi maksud prosiding di sesebuah mahkamah di Brunei di bawah Perintah ini, sama ada bagi menjawab suatu permintaan yang di buat oleh mahkamah tersebut ataupun tidak ; atau

- (c) telah diterima sebagai keterangan dalam prosiding di sesebuah mahkamah di negara tersebut atau sebagai satu salinan suatu dokumen yang diterima demikian,

boleh dalam sebarang prosiding di sesebuah mahkamah di Brunei berkenaan dengan suatu perintah nafkah yang dikenakan Perintah ini diterima sebagai keterangan mengenai sebarang fakta yang dinyatakan di dalamnya setakat yang sama sebagaimana keterangan lisan mengenai fakta itu boleh diterima dalam prosiding tersebut.

(2) Suatu dokumen yang dikatakan menyatakan atau meringkas-kankan keterangan yang diberikan sebagaimana yang disebutkan dalam ceraian (1)(a), atau diambil sebagaimana yang disebutkan dalam ceraian (1)(b), hendaklah dianggap sempurna disahkan bagi maksud-maksud ceraian itu jika dokumen itu dikatakan diperakui oleh hakim, majistret atau orang lain yang di hadapannya keterangan itu diberikan, sebagai dokumen asal yang mengandungi atau meringkaskan keterangan itu atau satu salinan dokumen itu yang sebenar.

(3) Suatu dokumen yang dikatakan telah diterima sebagai keterangan sebagaimana yang disebutkan dalam ceraian (1)(c), atau sebagai satu salinan suatu dokumen yang diterima demikian, hendaklah dianggap sempurna disahkan bagi maksud-maksud ceraian itu jika dokumen itu dikatakan diperakui oleh seseorang hakim, majistret atau pegawai mahkamah berkenaan sebagai satu salinan suatu dokumen yang sebenar yang telah diterima demikian.

(4) Tidaklah perlu dalam sebarang prosiding itu untuk membuktikan tandatangan atau kedudukan rasmi orang yang ternyata telah memberi perakuan tersebut.

(5) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh menjelaskan penerimaan sebagai keterangan sebarang dokumen yang boleh diterima sebagai keterangan selain dari bab ini.

14. (1) Jika, bagi maksud sebarang prosiding di sesebuah mahkamah di sesebuah negara salingan berkenaan dengan suatu perintah nafkah yang dikenakan Perintah ini, suatu permintaan dibuat oleh atau bagi pihak mahkamah tersebut bagi pengambilan di Brunei keterangan seseorang yang bermastautin di dalamnya berkenaan dengan perkara-perkara yang dinyatakan dalam permintaan itu, mahkamah tersebut di Brunei hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil keterangan itu dan, setelah memberikan notis mengenai masa dan tempat di mana keterangan itu akan diambil kepada orang-orang dan mengikut cara sebagaimana yang difikirkannya patut, hendaklah mengambil keterangan itu mengikut cara sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut.

Mendapatkan keterangan.

(2) Keterangan yang diambil bagi mematuhi permintaan tersebut hendaklah dikirimkan oleh mahkamah tersebut di Brunei kepada mahkamah di negara salingan yang membuat permintaan itu.

(3) Jika mana-mana orang, bukannya pembayar atau penerima di bawah perintah nafkah yang dimaksudkan oleh prosiding berkenaan, dikehendaki menurut bab ini untuk memberi keterangan di hadapan sesebuah mahkamah di Brunei, mahkamah tersebut boleh memerintahkan supaya dibayar sejumlah wang yang pada pendapat mahkamah tersebut mencukupi dengan munasabah untuk menggantirugi orang itu kerana perbelanjaan, kesusahan atau kehilangan masa yang ditanggung dengan sewajarnya atas atau bersampingan dengan kehadirannya.

(4) Sesebuah mahkamah di Brunei boleh bagi maksud sebarang prosiding di mahkamah tersebut di bawah Perintah ini berkenaan dengan suatu perintah nafkah yang dikenakan Perintah ini meminta supaya sesebuah mahkamah di sesebuah negara salingan mengambil atau memberikan keterangan berkenaan dengan perkara-perkara sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam permintaan itu dan boleh menge-mukakan kes itu kepada mahkamah tersebut bagi maksud itu.

Perintah, dsb.,  
yang dibuat di  
luar negeri.

15. Bagi maksud Perintah ini, melainkan jika dibuktikan sebaliknya –

- (a) sebarang perintah yang dibuat oleh sesebuah mahkamah di sesebuah negara salingan yang dikatakan mempunyai meterai mahkamah tersebut atau untuk ditandatangani oleh mana-mana orang atas sifatnya sebagai seorang hakim, majistret atau pegawai mahkamah tersebut, hendaklah dianggap tanpa bukti lanjut telah sempurna dimeterai atau, mengikut mana yang berkenaan, telah ditandatangani oleh orang itu ;
- (b) orang yang menandatangani perintah itu hendaklah dianggap tanpa bukti lanjut sebagai seorang hakim, majistret atau pegawai mahkamah tersebut apabila dia menanda-tanganinya ; dan
- (c) suatu dokumen yang dikatakan sebagai satu salinan suatu perintah yang diperakui yang dibuat oleh sesebuah mahkamah di sesebuah negara salingan hendaklah dianggap tanpa bukti lanjut sebagai salinan tersebut.

Pembayaran  
jumlah wang di  
bawah perintah  
perintah yang  
dibuat di luar  
negeri.

16. (1) Pembayaran jumlah wang yang kena dibayar di bawah suatu perintah berdaftar hendaklah, walaupun perintah itu didaftarkan di sesebuah mahkamah di Brunei, dibuat mengikut cara dan kepada orang sebagaimana yang mungkin diperintahkan oleh mahkamah tersebut.

(2) Jika jumlah wang yang dikehendaki untuk dibayar di bawah suatu perintah berdaftar dinyatakan dalam suatu matawang selain dari-pada matawang Brunei, perintah itu hendaklah disifatkan seolah-olah ia adalah suatu perintah yang menghendaki pembayaran jumlah wang itu dalam matawang Brunei yang, berdasarkan kepada kadar pertukaran matawang yang terpakai pada tarikh yang berkaitan, sama nilainya dengan jumlah wang yang dikehendaki untuk dibayar itu.

(3) Jika jumlah wang yang dinyatakan dalam sebarang pernyataan, iaitu suatu pernyataan amanun yang kena dibayar di bawah suatu perintah nafkah yang dibuat oleh sesebuah mahkamah di sesebuah negara salingan, dinyatakan dalam suatu matawang selain daripada matawang

Brunei, jumlah wang itu hendaklah dianggap sebagai jumlah wang dalam matawang Brunei yang, berasaskan kepada kadar pertukaran matawang yang terpakai pada tarikh yang berkaitan, sama nilainya dengan jumlah wang yang dinyatakan itu.

(4) Bagi maksud-maksud bab ini, suatu perakuan bertulis yang dikatakan ditandatangani oleh seseorang pegawai mana-mana bank di Brunei yang memperakui bahawa suatu kadar pertukaran matawang tertentu yang terpakai antara matawang-matawang pada suatu tarikh tertentu dan bahawa pada kadar itu suatu jumlah wang tertentu dalam matawang Brunei adalah sama nilainya dengan suatu jumlah wang tertentu dalam matawang tertentu yang lain hendaklah menjadi keterangan mengenai kadar pertukaran matawang yang terpakai pada tarikh tersebut dan jumlah wang yang sama nilainya mengikut matawang masing-masing.

(5) Dalam bab ini, "tarikh yang berkaitan" bermakna –

- (a) berkenaan dengan suatu perintah berdaftar atau suatu pernyataan tunggakan yang kena dibayar di bawah suatu perintah nafkah yang dibuat oleh sesebuah mahkamah di sesebuah negara salingan, tarikh perintah itu mula-mula menjadi suatu perintah berdaftar atau (jika lebih awal) tarikh ia disahkan oleh sesebuah mahkamah di Brunei ; dan
- (b) berkenaan dengan suatu perintah berdaftar yang telah diubah, tarikh perintah terakhir yang mengubah perintah itu didaftarkan di sesebuah mahkamah di Brunei atau (jika lebih awal) tarikh perintah terakhir yang mengubah perintah itu disahkan oleh mahkamah tersebut.

17. (1) Jika Menteri berpuas hati bahawa, sekiranya faedah yang diberikan oleh Perintah ini dikenakan kepada perintah-perintah nafkah, atau jenis-jenis perintah nafkah yang tertentu, yang dibuat oleh mahkamah mana-mana negara atau wilayah di luar Brunei, faedah yang serupa di negara atau wilayah itu akan dikenakan kepada perintah-perintah nafkah, atau jenis-jenis perintah nafkah tersebut, yang dibuat oleh mahkamah-mahkamah Brunei, Menteri boleh, dengan kenyataan dalam *Warta Kerjaan*, menetapkan negara atau wilayah itu sebagai negara salingan bagi maksud-maksud Perintah ini dan, tertakluk kepada ceraian (2), "negara salingan" bermakna sesebuah negara atau wilayah yang pada masa itu ditetapkan demikian.

Penetapan  
negara salingan.

(2) Sesebuah negara atau wilayah boleh ditetapkan di bawah ceraian (1) sebagai negara salingan sama ada berkenaan dengan perintah-perintah nafkah pada amnya, atau berkenaan dengan perintah-perintah nafkah selain dari sebarang jenis perintah nafkah yang tertentu, atau hanya berkenaan dengan satu jenis atau lebih perintah nafkah yang tertentu sahaja ; dan sesebuah negara atau wilayah yang pada masa itu ditetapkan demikian melainkan berkenaan dengan perintah-perintah nafkah pada amnya hendaklah bagi maksud-maksud Perintah ini dianggap sebagai negara salingan hanya berkenaan dengan perintah-perintah nafkah dari jenis di mana penetapan itu diperluaskan.

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

Kuasa untuk  
membuat  
aturan-aturan.

Pemansuhan  
1 tahun 1936.

18. Menteri boleh dari masa ke semasa membuat aturan-aturan yang menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Perintah ini dan bagi pentadbirannya yang wajar.

19. Undang-undang Perintah Nafkah (Penguatkuasaan Timbal Balik) adalah dengan ini dimansuhkan.

Diperbuat pada hari ini 15 haribulan Rejab tahun Hijrah 1416 bersamaan dengan 8 haribulan Disember tahun Masihi 1995 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI  
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**